

# TAK BOLEH BERGANTUNG PADA BAHAN MENTAH - PM

MM 7 JUN 1987

**K**UALA LUMPUR 6 Jun — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini berkata, kerajaan tidak boleh bergantung pada bahan-bahan mentah untuk mendapat hasil kekayaan negara.

Katanya, jika ekonomi negara bergantung kepada hasil bahan mentah seperti getah, kelapa sawit dan minyak, maka sudah tentu kerajaan akan menghadapi kesulitan ekonomi jika barangan tersebut mengalami kemerosotan harga.

Berucap di majlis makan Persatuan Alat Ganti Kereta Selangor dan Wilayah Persekutuan di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, terdapat beberapa negara yang tidak mempunyai sumber bahan mentah tetapi telah muncul sebagai sebuah negara yang kaya dan mempunyaiimbangan perdagangan yang mantap.

"Kejayaan negara-negara seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong adalah kerana mereka melibatkan diri masing-masing dalam industri pembuatan," katanya.

Melihatkan contoh ini, ujar beliau, kerajaan menberi galakan kepada usaha untuk mewujudkan lebih banyak industri pembuatan

kerana jika harga bahan mentah menurun, kerajaan akan dapat bergantung kepada industri pembuatan untuk mengimbangkan ekonomi.

Perdana Menteri mahu supaya didirikan satu rangkaian industri alat ganti kereta yang mampu mengeluarkan barangannya dengan harga yang murah dan meluaskan perniagaan bukan sahaja di negara ini tetapi di luar negeri.

Beliau mengingatkan supaya mereka yang menceburi industri pembuatan supaya memelihara kewibawaan barangan masing-masing dengan menghasilkan barangan yang bermutu dan diyakini.

"Saya mahu negara-negara luar pada satu masa kelak tidak akan mempersoalkan kualiti barangan keluaran Malaysia seperti mereka mengkagumi barangan dari negara Jepun dan Korea," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan boleh memberi perlindungan kepada industri pembuatan di negara ini supaya terpelihara pasaran masing-masing tetapi adalah sukar untuk memberi jaminan yang sama untuk barangan yang akan dieksport.

Katanya, "kalau kita beri

terlalu banyak perlindungan kepada barangan yang dieksport, negara-negara lain akan mengenakan cukai supaya harga barangan tersebut naik," katanya.

Oleh itu, tegas beliau, pengusaha industri pembuatan perlu memikirkan cara untuk menembusi pasaran dengan menghasilkan barangan yang bermutu tetapi murah harganya.